

SPRM bongkar gaya hidup mewah anggota penguat kuasa imigresen Gred 19

Anggota junior bawa Rolls-Royce

PETALING JAYA – Seorang anggota imigresen Gred 19 dikesan 'memiliki' empat kenderaan mewah termasuk jenis Rolls-Royce Phantom yang berharga sekitar RM6 juta dipercayai hasil kegiatan haram salah guna cap di pintu utama negara.

Perkara itu terbongkar selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melakukan siasatan berikutan penahanan 28 anggota dan pegawai imigresen di Selangor dan Johor sejak Selasa lalu.

Siasatan awal mendapati kenderaan jenis Rolls-Royce Phantom, Ford Mustang, Range Rover dan Audi itu didaftarkan atas nama empat ejen termasuk dua warga China. Mereka adalah ejen pekerja asing warga China yang beroperasi di negara ini.

Keempat-empat kenderaan itu bagaimanapun disimpan oleh seorang ejen tempatan.

"Agak mengejutkan seorang anggota imigresen Gred 19 yang bergaji bawah RM4,000 mampu 'memiliki' kesemua kenderaan mewah tersebut.

"Siasatan mendapati kenderaan-kenderaan mewah yang digunakan anggota berusia 31 tahun itu adalah sebagai balasan kerana membantu membuat *setting counter* di pintu utama negara," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Menurut sumber itu, pihak berkuasa telah mengenal pasti identiti empat ejen berkenaan dan operasi mengesan mereka sedang giat dijalankan.

Sementara itu, SPRM menahan seorang pegawai imigresen dan



KENDERAAN jenis Range Rover dan Audi yang dirampas berikutan penahanan anggota dan pegawai imigresen dalam Ops Selat baru-baru ini.

tiga ejen pekerja asing bagi membantu siasatan kes rasuah salah guna pengesahan cap di pintu utama negara menerusi Ops Selat.

Mereka yang berusia 28 hingga 52 tahun itu diberkas petang kelmarin.

"Siasatan mendapati sindiket ini turut melibatkan rangkaian jenayah penyeludupan antarabangsa dari China, Vietnam, Indonesia dan Bangladesh," kata sumber itu.

Setakat semalam, SPRM telah

memberkas seramai 50 individu terdiri daripada 28 anggota dan pegawai imigresen, 17 ejen pekerja asing dan lima orang awam dipercayai orang tengah.

Turut dirampas wang berjumlah RM800,000, 26 buah kenderaan mewah dan empat buah motosikal berkuasa tinggi. SPRM turut menyita rumah, tanah dan barangan kemas.

Sementara itu, Pengarah Siasatan SPRM, Datuk Norazlan Mohd. Razali tidak menolak ke-

mungkinan ramai lagi akan ditahan dalam masa terdekat.

Kes disiasat mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009 dan Akta Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan 2001.

Kosmo! pada Rabu lalu melaporkan SPRM membongkarkan kegiatan salah guna cap di sempadan negara sejak setahun lalu dengan penahanan 46 individu termasuk 27 anggota dan pegawai imigresen.

Sindiket tersebut menyasar-

Rolls-Royce Phantom

- Buatan United Kingdom
- Jenis kereta mewah
- Edisi pertama dikeluarkan pada 1925, manakala edisi terkini, Rolls-Royce Phantom VIII dikeluarkan sejak 2017
- Edisi terkini didatangkan dengan enjin berkapasiti 6.75 liter *twin-turbocharged* V12 563hp
- Transmisi automatik 8 kelajuan
- Mempunyai ciri-ciri seperti visi malam, sistem 4 kamera dengan pandangan panorama, kawalan jelajah, hotspot Wi-Fi dan lampu hadapan laser

kan pekerja asing dan pendatang asing tanpa izin dengan menggunakan taktik *passport terbang* dan *setting counter* khususnya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan KLIA2, Sepang

Bagi *passport terbang*, ejen mengumpulkan *passport* pekerja asing untuk dicap keluar dan masuk bagi membolehkan visa lawatan disambung tanpa kehadiran pemilikinya sebagai pengesahan dengan bayaran sereñdah RM100.

Untuk *setting counter* pula, warga asing yang disenarai hitam atau tamat tempoh perjalanan visa dikenakan bayaran RM500 hingga RM6,000 setiap seorang bagi membolehkan mereka bebas masuk dan pulang ke negara masing-masing.

Dianggarkan 30,000 warga asing menggunakan khidmat sindiket tersebut.